

Sudah tiba masanya rakyat Malaysia membuang persepsi negatif terhadap produk tempatan yang sering dilabel tidak setanding dengan produk import. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang menetap di luar bandar mahupun bandar kini menganggap produk tempatan seperti peribahasa bagai melukat di tepi gantang kerana tidak memberikan sebarang kepentingan. Pada zaman globalisasi ini, produk tempatan tidak lagi menjadi pilihan masyarakat tempatan, lebih-lebih lagi generasi muda. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai prakarsa yang boleh direncanakan untuk menarik minat warga watan membeli produk buatan negara sendiri.

Antara solusi yang boleh dilakukan termasuklah ibu bapa harus mendidik anak-anak dan menjadi suri teladan untuk membeli produk buatan Malaysia sejak kecil lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak cenderung untuk terpengaruh dengan segala tunjuk ajar yang diberikan oleh orang tua mereka. Sebagai contohnya, ibu bapa boleh membeli produk-produk tempatan semasa berbelanja di gedung beli-belah bersama-sama dengan anak-anak. Sebagai kesannya, anak-anak akan mula menanam minat akan produk yang dihasilkan oleh warganegara sendiri. Senario ini boleh dikaitkan dengan kata orang dulu-dulu, iaitu melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Jelaslah, ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mendidik anak-anak membeli produk Malaysia sejak bangku sekolah.



@malaylinguist

Jika disingkap dari perspektif yang berbeza, pihak kerajaan juga perlu mencari jalan dengan mempromosikan barangan buatan tempatan secara meluas. Promosi yang dijalankan oleh kerajaan secara besar-besaran bukan sahaja mampu menarik minat rakyat tempatan, tetapi promosi ini juga dapat menarik perhatian pelabur-pelabur asing. Sebagai contohnya, kerajaan boleh mengadakan ekspo yang menghimpunkan pelbagai produk yang dibuat oleh anak watan seperti tikar mengkuang, bakul rotan, kerusi kayu jati dan sebagainya. Sebagai implikasinya, masyarakat akan lebih mengenali produk tempatan dan sekali gus dapat meningkatkan ekonomi penduduk tempatan dan negara. Tegastah, kerajaan mempunyai tugas yang penting dalam usaha memperkasa barangan buatan Malaysia.

Bukan itu sahaja, media massa juga boleh memainkan peranan dengan mewara-warkan mempromosikan barangan tempatan secara serius/radikal. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai kuasa yang besar untuk mempengaruhi pilihan pengguna/pembeli dalam talian. Sebagai misalnya, pihak yang terlibat boleh menghebahkan tentang kebaikan membeli produk tempatan menerusi media sosial seperti Instagram, Twitter, TikTok dan Facebook. Sebagai kesannya, penduduk tempatan akan lebih mengenali produk yang dibuat oleh warganegara sendiri dan keadaan ini akan meningkatkan permintaan terhadap produk tempatan. Sudah terang lagi bersuluh, media massa mempunyai pengaruh yang besar untuk memperkenalkan kualiti barangan Malaysia.



@malaylinguist

Sebagai kesimpulannya, terdapat pelbagai inisiatif yang boleh diambil untuk menarik minat warga tempatan membeli barangan buatan negara sendiri. Pada hakikatnya, barangan buatan tempatan mempunyai kualiti yang setanding dengan barangan yang diimport dari luar negara. Sehubungan dengan itu, semua pihak harus sentiasa menyokong produk tempatan dengan membeli produk ini. Dengan sokongan yang diberikan, kedudukan produk tempatan boleh disamakan dengan produk luar negara seperti peribahasa berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.



@malaylinguist